



Utama
Hiburan
Berita
Sukan
Jelajah



UTAMA | HIBURAN | BERITA | SUKAN | JELAJAH | LAIN-LAIN

carian

Suara

carian
Utama > Lain Lain > Jamu Selera > e n o hotel penang

Hanya yang sedap, bermutu di E&O Hotel P.Pinang

Diterbitkan: Selasa, 22 Mei 2018 8:00 AM



(Ubah saiz teks)

mungkin Eastern and Oriental (E&O) Hotel Pulau Pinang adalah jawapannya.

Bertempat di restoran Sarkies bermula pukul 7.30 sehingga 10.30 malam, bufet tersebut turut menawarkan juadah dari Jepun dan Itali.

Tentunya setelah seharian berpuasa, anda mahukan juadah yang sedap dan membangkitkan selera.

Bagi peminat ulam, mereka boleh menikmati pelbagai ulam-ulaman serba hijau, seleksi kerabu dan macam-macam lagi di Ulam Corner menerusi bufet berkenaan.

Pengurus Perhubungan Awam dan Komunikasi E&O Hotel, Eileen Ching berkata, mereka turut menyediakan pelbagai jenis sambal dan sos.

Selain itu, antara hidangan yang wajib dicuba di sini ialah nasi briyani, ayam masak madu dan gulai ketam kampung.

Juadah seperti daging masak merah, udang masak sambal petai, sotong masak hitam manis dan kambing kurma juga antara yang menjadi pilihan ramai di E&O Hotel.

"Juadah ini semua dihasilkan oleh chef yang mewarisi resepi turun temurun dari generasi terdahulu," ujar Chong.



Di bahagian luar misalnya ia menempatkan gerai yang menghidangkan kambing yang dipanggang perlahan dan hidangan istimewa lain seperti gulai kawah.

uang dan pasembur.

Sushi dan sashimi, pasta dan daging bakar juga ada disediakan untuk santapan pengunjung.

Namun, hidangan signatur mereka seperti itik panggang, ayam percik dan daging sirloin Australia yang disalut lada hitam juga wajib anda cuba.

Selepas kenyang menjamu selera, mungkin boleh akhiri dengan aneka pencuci mulut seperti kuih muih, bubur kacang hijau dan ais batu campur bersama ais krim dan pastri.

"Dengan juadah ala kampung, hidangan ini sangat bersesuaian dengan pengunjung hotel khususnya yang datang dari luar negara.

"Ini membolehkan mereka merasai sendiri budaya kita dan belajar mengenai berbuka puasa," tambah Chong lagi.

Bufet berharga RM166 untuk orang dewasa dan RM83 untuk kanak-kanak berusia enam hingga 12 tahun.

Hotel ini turut menawarkan Makan Malam Bufet Jom Raya dari pukul 12 tengah hari hingga 2.30 petang pada 15 dan 16 Jun, dengan harga RM108 untuk orang dewasa dan RM54 (Kanak-kanak).

Untuk tempahan, hubungi 04-2222000 sambungan 3601/3602.

Tags / Kata Kunci:

E&O Hotel

Bagaimana anda?




Suka



Gembira



LOL



Terkejut



Sedih



Marah

ARTIKEL BERKAITAN

Aroma menu G Hotel bagai menggigit pengunjung

Dipaparkan pada Selasa, 22 Mei 2018

Juadah tradisi P.Pinang tarikan Light Hotel

Dipaparkan pada Isnin, 21 Mei 2018

Juadah tradisi Melaka tarikan Hotel Royal KL

Dipaparkan pada Jumaat, 18 Mei 2018

Iftar di Hotel New World PJ, ringkas tapi meriah!

Berbuka puasa sambil beramah mesra, 'curi' rahsia chef di VE Hotel

Dipaparkan pada Khamis, 17 Mei 2018



IKLAN

PALING POPULAR

1. Sup Tulang
2. Ayam Goreng Madu
3. Ayam Masak Ungkep (Jawa)
4. Biskut Makmur
5. Biskut Cornflakes Madu
6. Ikan Tongkol Singgang Terengganu
7. Kentang Goreng Berlada
8. Masak Lemak Ikan Masin Nenas

10. Sup Cendawan Bebola Ikan

VIDEO

[Lihat Semua Video >](#)

1/10

Rabu, 23 Mei 2018 6:00 PM

7 keputusan drastik penjimatan kerajaan

KOLUMNIS

[Lihat Semua Kolumnis >](#)

Sejuk Tak Berapa Tapi Hati Gundah Gulana

Dari Diari Kembara
MUHD IQBAL



Ada Apa Di Taif

Dari Diari Kembara
RAIHANAH ABDULLAH



Kenangan Mengusik Jiwa, Mencucuk Hidung

Dari Diari Kembara
MUHD IQBAL

[Our Sites](#)[More](#)[LEBIH DEKAT, LEBIH PADAT](#)

all the right places | the better property site | [starproperty.my](#)

BRINGING MORE VALUE TO THE PROPERTY ECOSYSTEM

WHY US?

STARPROPERTY.MY'S ONE-STOP MARKETING SOLUTION

 **Print** |
  **Online** |
  **Events** |
  **Awards** |
  **Digital**

REACH Get maximum exposure through us

IKLAN

BRINGING MORE VALUE TO THE PROPERTY ECOSYSTEM

[starproperty.my](#) |
 [propwall.my](#) |
 [iBilik](#)

STARPROPERTY.MY'S ONE-STOP MARKETING SOLUTION

 **Print** |
  **Online** |
  **Events** |
  **Awards** |
  **Digital**

REACH Get maximum exposure through us

IKLAN

[Mengenai mStar](#)[Iklankan di sini](#)[Hubungi Kami](#)[Terma & Syarat](#)[Dasar Privasi](#)[Mengenai mStar](#)[Iklankan di sini](#)[Hubungi Kami](#)[Terma & Syarat](#)[Dasar Privasi](#)

Hakcipta Terpelihara © 2018 Star Media Group Berhad (ROC 10894D)

[Kembali ke atas](#)